

## AL-KAFI #1039 : HUKUM MINUM SEMASA KHUTBAH

### Soalan:

Assalamualaikum S.S Mufti, apakah hukum sekiranya saya minum air semasa khutbah Jumaat sedang berjalan kerana saya berasa dahaga ?

### Jawapan:

Wa'alaikumussalam w.b.t.

Alhamdulillah segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah S.W.T. Selawat dan salam kami ucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para isteri dan keluarga baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Secara asasnya, terdapat beberapa hadis yang menunjukkan larangan terhadap perkataan dan perbuatan yang menyebabkan hilangnya fokus dalam mendengar khutbah Jumaat. Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

????? ?????? ?????????????? ??????? ??????????????: ???????????  
???????????????? ?????????????? ??????? ????????????

Maksudnya: *Apabila kamu mengucapkan; "Diamlah kamu" kepada sahabat kamu pada hari Jumaat dalam keadaan Imam sedang berkhotbah, maka kamu telah lagha.*

Riwayat Al-Bukhari (934).

Begitu juga sebuah hadis yang turut diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

??????? ?????? ?????????????? ??????? ???????

Maksudnya: *Dan sesiapa yang bermain-main dengan batu kecil (semasa khutbah Jumaat) sesungguhnya dia telah lagha.*

Riwayat Muslim (857)

Kedua-dua hadis di atas ini merupakan larangan ke atas dua perkara semasa khutbah Jumaat sedang berlangsung. Iaitu larangan berkata-kata dan juga larangan bermain batu kecil semasa khutbah. Dapatlah kita fahami hikmah larangan tersebut adalah kerana keduanya mengganggu seseorang itu untuk mendengar khutbah yang sedang disampaikan.

### Makna Lagha Di Dalam Hadis

Berikut kami sertakan beberapa pendapat yang disebutkan oleh para ulama berkenaan maksud *lagha* yang terdapat dalam kedua hadis di atas. Imam Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani menyebut: Ada pendapat yang menyatakan *lagha* bermaksud: Batal fadhilat Jumaat kamu. Manakala pendapat lain menyebut: Jumaat kamu berubah menjadi zohor. Rujuk **Fath Al-Bari, Ibn Hajar (2/414)**.

Meskipun para ulama berbeza pendapat akan kesan ancaman *lagha* tersebut terhadap implikasi hukum, dalam erti kata sebahagian *fuqaha* mazhab menyatakan hukum bagi kedua perbuatan itu (bercakap dan bermain batu kecil semasa khutbah) adalah makruh manakala pendapat *fuqaha* mazhab yang lain menyatakan keduanya adalah haram. Namun apa yang pasti ianya adalah perbuatan yang dilarang, kerana mengganggu tumpuan dalam mendengar khutbah Jumaat yang sedang disampaikan.

Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan, kami nukilkan kata-kata Imam Al-Nawawi yang menyebut:

????????????? ?????????????? ????? ?????????????????? ?????? ??????????????????  
????????????????????? ??????? ?????????????????????? ?????????????????? ?????????? ???????  
????????????????????? ?????????????? ?????????? ?????????? ?????????????? ??????????????????????  
????? ??? ??????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????????????

Maksudnya: *Disunatkan kepada kaum (orang ramai) untuk menghadap ke arah khatib dalam keadaan mendengar (khutbah yang disampaikan) dan tidaklah mereka itu sibuk dengan perkara lain. Sehingga para ashab kami telah berkata: Dimakruhkan bagi kaum (para jemaah) untuk meminum air bagi tujuan talazzuz (bersedap-sedap), tetapi tidak mengapa untuk jemaah dan juga khatib untuk meminum air sekiranya disebabkan dahaga. Rujuk Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al-Nawawi (4/529).*

## **Kesimpulan**

Sebagai penutup, kami menyatakan bahawa perbuatan minum ketika khutbah Jumaat sedang berlangsung sama ada yang meminum itu adalah jemaah mahupun khatib, perlu dilihat kepada keperluan peminum tersebut. **Sekiranya ada hajat dan bertujuan menghilangkan dahaga serta kehausan, maka hukumnya adalah dibolehkan.**

Seafdhalnya, air minuman diletakkan berhampiran dengan tempat duduk semasa khutbah. Ini supaya jika berlaku keperluan untuk meminum air, maka tidak perlu untuk seseorang itu berjalan jauh sehingga kadangkala menyebabkan gangguan kepada para jemaah yang lain. Wallahu A'lam.

Akhir kalam, semoga Allah S.W.T memberikan kefahaman yang tepat kepada kita dalam beragama. Ameen.

Source: AI-KAFILI AL-FATAWI